

NAMA:

TINGKATAN:



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK**

**MODUL KECEMERLANGAN
TINGKATAN 5
SET 1**

**SEJARAH
KERTAS 1
1 JAM**


JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. *Kertas modul ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih SATU jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian, hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas modul ini mengandungi 12 halaman bercetak.

- 1 Rajah berikut berkaitan ciri-ciri negara bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah X?

- A Sistem pemerintahan
 - B Lambang kebesaran
 - C Agama dan kepercayaan
 - D Kehidupan berorganisasi
- 2 Empayar Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 meliputi Tanah Melayu dan Pantai Timur Sumatera.

Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka meluaskan wilayah pengaruhnya?

- A Peperangan
 - B Pertukaran budaya
 - C Penyebaran agama
 - D Penghantaran utusan
- 3 Jadual berikut berkaitan dengan pemerintahan di Thailand.

Pemerintah	Tindakan
• Raja Mongkut • Raja Chulalongkorn	Menggunakan diplomasi dan pemodenan

Apakah kesan tindakan tersebut terhadap politik di Thailand?

- A Kedaulatan negara dikekalkan
- B Kuasa asing bertambah kukuh
- C Kuasa pemerintah tradisional mantap
- D Kegiatan ekonomi dikuasai pembesar

4 Novel berikut diterbitkan di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

- Anak Mat Lela Gila
- Putera Gunung Tahan

Apakah persamaan mesej antara novel tersebut?

- A Kepentingan kebebasan
- B Kemajuan kaum wanita
- C Kerjasama dengan pemerintah
- D Keperluan mendapat pendidikan

5 Pakatan kuasa berikut telah terbentuk di Eropah pada awal abad ke-20.

- Pakatan Bertiga
- Perikatan Kuasa Tengah

Antara berikut, faktor yang manakah menjadi pencetus peperangan antara kedua-dua pakatan kuasa tersebut?

- I Perjuangan mengekalkan kemerdekaan
- II Persaingan memperluas kawasan pengaruh
- III Perebutan menguasai sumber bahan mentah
- IV Percubaan mewujudkan pertubuhan antarabangsa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6 Maklumat berikut berkaitan perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun.

- MPAJA
- Force 136
- Pasukan Wataniah

Apakah persamaan pertubuhan tersebut?

- A Bergerak secara militan
- B Bekerjasama dengan British
- C Berjaya menubuhkan kerajaan
- D Bersetuju membuat perjanjian

- 7 British Military Administration (BMA) merupakan pentadbiran tentera di Tanah Melayu yang bermula pada 12 September 1945.

Apakah fungsi pentadbiran tersebut?

- A Melatih penduduk tempatan
- B Menghalang kemasukan penjajah
- C Menangani demonstrasi penduduk
- D Mengembalikan kepercayaan rakyat

- 8 Apakah taktik yang digunakan oleh Sir Harold MacMichael bagi mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu berkenaan Malayan Union?

- I Pujukan
- II Sogokan
- III Desakan
- IV Ugutan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 9 Apakah faktor yang menyebabkan British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Memenuhi tuntutan tentera Jepun
- B Menghalang desakan orang dagang
- C Mendapat sokongan pegawai British
- D Mengawal kemasukan kaum imigran

- 10 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah dimeterai pada 21 Januari 1948 di Kuala Lumpur.

Apakah kandungan perjanjian tersebut?

- I Gabenor Jeneral mengetuai pentadbiran
- II Kewarganegaraan secara pendaftaran
- III Pembentukan Majlis Raja-raja Melayu
- IV Konsep Raja Berperlembagaan diwujudkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan keganasan Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu.

- Menyerang pekerja ladang
- Membunuh penduduk tempatan
- Mengancam keselamatan penduduk

Mengapakah PKM bertindak demikian?

- A Melemahkan imej kerajaan
- B Menakutkan golongan imigran
- C Menentang amalan buruh paksa
- D Melumpuhkan ideologi kapitalisme

- 12 Bagaimanakah pasukan berikut membantu membanteras ancaman komunis?

- Sarawak Rangers
- Pasukan Senoi Praaq

- A Menjalankan risikan
- B Mengamankan kampung
- C Melindungi kawasan lombong
- D Menjejak tempat persembunyian

- 13 British memperkenalkan Sistem Ahli pada tahun 1951.

Mengapakah sistem tersebut diperkenalkan?

- A Mengukuhkan sistem pertahanan
- B Menguruskan pilihan raya negeri
- C Mengkaji hubungan antara kaum
- D Melaksanakan dasar dekolonisasi

- 14 Apakah kandungan Penyata Jawatankuasa Pelajaran yang dikeluarkan pada tahun 1956?

- A Sistem persekolahan yang sama
- B Sekolah khas masyarakat peribumi
- C Pusat latihan guru perlu ditubuhkan
- D Pendidikan sivik diajar secara formal

- 15 Mengapakah tanggungjawab untuk mengundi penting dalam sesuatu pilihan raya?

- A Memilih presiden parti
- B Mengekalkan tradisi bangsa
- C Membentuk sebuah kerajaan
- D Mengukuhkan pemerintahan beraja

16 Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955.

Apakah peranan kabinet tersebut?

- I Membincangkan keselamatan negeri
- II Mewujudkan sistem politik dwiparti
- III Meminta kuasa veto Gabenor dibatalkan
- IV Mengurangkan kuasa British dalam pentadbiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Maklumat berikut berkaitan tugas Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

- Menetapkan kuasa Kerajaan Pusat dan kuasa Kerajaan Negeri
- Mewujudkan rupa bangsa kerajaan Persekutuan Tanah Melayu
- X

Apakah X?

- A Menetapkan sempadan negeri
- B Merangka perlembagaan negara
- C Menggubal syarat kewarganegaraan
- D Mencadangkan tarikh pilihan raya umum

18 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani pada 15 Ogos 1957.

Mengapakah perjanjian tersebut penting kepada penduduk Tanah Melayu?

- A Mengekalkan kuasa pembesar
- B Mendapat hak mentadbir sendiri
- C Melaksanakan pilihan raya umum
- D Mengekalkan sistem monarki mutlak

19 Agensi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 1956.

Bagaimanakah agensi tersebut mencapai objektif penubuhannya?

- A Meningkatkan industri desa
- B Menyediakan pinjaman kepada petani
- C Membuka tanah secara besar-besaran
- D Menjalankan penyelidikan pertanian

- 20 Bagaimanakah kedaulatan sesebuah negara dapat menjamin hak rakyatnya?
- A Mengamalkan sistem satu parti
 - B membenarkan kebebasan bersuara
 - C Menggalakkan semangat kenegerian
 - D Memberi hak menggubal undang-undang
- 21 Kedaulatan tradisional merujuk kepada raja berkuasa mutlak yang menguasai sepenuhnya pentadbiran negara.
Bagaimanakah kedaulatan raja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka diperkukuhkan?
- A Pengesahan Majlis Raja-Raja
 - B Pengamalan prinsip Rukun Negara
 - C Pengakuan taat setia golongan diperintah
 - D Perkahwinan pemerintah dengan rakyat jelata
- 22 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri negara berdaulat?
- I Pemerintahan teratur
 - II Sempadan yang jelas
 - III Rakyat pelbagai kaum
 - IV Hakim menggubal undang-undang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 23 British telah memperkenalkan Charter of Justice di Negeri-negeri Selat.
Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan?
- A Meluaskan kuasa
 - B Menyaingi kuasa lain
 - C Melindungi penduduk asal
 - D Menggantikan undang-undang tempatan


24 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah dipinda sebanyak dua kali sehingga tahun 1965.

Mengapakah berlaku pindaan tersebut?

- I Pemisahan Singapura
- II Pembentukan Malaysia
- III Pelaksanaan pilihan raya umum
- IV Pengagihan peruntukan belanjawan negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25 Apakah peranan Yang di-Pertuan Agong di negeri-negeri berikut?



- A Ketua agama Islam
- B Melantik Menteri Besar
- C Ketua Angkatan Tentera
- D Membubar Dewan Undangan Negeri

26 Senarai berikut berkaitan dengan sistem Demokrasi Berparlimen di negara kita.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Rakyat terlibat dalam pemerintahan • Membentuk kerajaan yang mantap • X |
|---|

Apakah X?

- A Menentukan ketua kerajaan
- B Memilih pemimpin berwibawa
- C Menjamin kekuatan parti politik
- D Memberikan kebebasan mutlak

27 Senarai Bersama ialah perkara yang membolehkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri menggubal undang-undang untuk perkara yang sama.

Antara berikut, yang manakah perkara dalam Senarai Bersama?

- I Kewangan
- II Kewarganegaraan
- III Kebajikan awam
- IV Kebudayaan dan sukan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Mengapakah Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri diadakan?

- A Menjamin keselarasan hubungan
- B Mengukuhkan keselamatan sempadan
- C Menyeragamkan undang-undang negara
- D Membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar

29 Pada peringkat awal, penduduk Sabah berasa curiga dan bimbang dengan rancangan pembentukan Malaysia.

Mengapakah situasi tersebut wujud?

- A Khawatir kehilangan hasil bumi
- B Kecaman daripada negara jiran
- C Ketidakseimbangan kaum akan berlaku
- D Kecenderungan merdeka secara berasingan

30 Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan oleh British bagi melicinkan proses pembentukan Malaysia.

Apakah peranan suruhanjaya tersebut?

- A Menilai bantahan negara jiran
- B Menyediakan rangka perlembagaan
- C Menjelaskan isu berkaitan Malaysia
- D Meninjau reaksi penduduk Sarawak dan Sabah

31 Alasan berikut digunakan oleh Lee Kuan Yew untuk membawa masuk Singapura dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963.

- Melemahkan ancaman komunis
- Mempercepat proses kemerdekaan

Mengapakah Singapura dipisahkan daripada Persekutuan Malaysia pada tahun 1965?

- A Menuntut persamaan hak
- B Memohon naungan pihak British
- C Menghormati hak kaum bumiputera
- D Mendapatkan hak berkerajaan sendiri

32 Maklumat berikut berkaitan isu pembangunan dan ekonomi selepas pembentukan Malaysia.

- Kadar pengangguran meningkat
- Peluang pekerjaan yang terhad

Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu tersebut?

- A Menubuhkan pusat latihan vokasional
- B Melaksanakan sistem pertanian pintar
- C Mewujudkan zon perindustrian bebas
- D Mencari pasaran baharu bagi bijih timah

33 Dasar Pelajaran Kebangsaan dilaksanakan melalui Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957.

Apakah implikasi pelaksanaan dasar tersebut?

- I Menyediakan tenaga mahir
- II Memperkukuh perpaduan kaum
- III Menggalakkan kemasukan pelajar asing
- IV Meningkatkan kualiti perkhidmatan awam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) dilaksanakan pada peringkat sekolah.

Apakah matlamat pelaksanaan rancangan tersebut?

- A Membentuk sifat kreativiti
- B Menanamkan kepentingan ilmu
- C Menyemai semangat setia kawan
- D Menggalakkan sikap persaingan

35 Bagaimanakah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilaksanakan pada tahun 1970 hingga 1990 dapat memberi keadilan kepada semua kaum?

- A Membasmi buta huruf
- B Memberikan hak sama rata
- C Meningkatkan infrastruktur
- D Menyusun semula masyarakat

36 Mengapakah agensi berikut ditubuhkan oleh kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga?

- Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)
- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
- Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)

- A Membuka bandar baharu
- B Melaksanakan pembangunan wilayah
- C Memanfaatkan sumber alam semula jadi
- D Memajukan perindustrian desa

37 Mengapakah Malaysia menganggotai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) setelah mencapai kemerdekaan?

- A Menangani kemiskinan dunia
- B Memelihara kedaulatan negara
- C Menganggotai pakatan ketenteraan
- D Menyertai perdagangan antarabangsa

38 Mengapakah pemimpin dunia perlu menyokong tindakan Malaysia menentang Dasar Aparteid yang diamalkan oleh Afrika Selatan?

- A Pencerobohan wilayah
- B Pemerdagangan manusia
- C Pelaksanaan kadar tarif cukai
- D Pengamalan diskriminasi kaum

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 39 Maklumat berikut berkaitan isu tuntutan sempadan dan hak milik bertindih yang melibatkan beberapa buah negara.

Wilayah tuntutan	Negara terlibat
Kepulauan Spratly	China, Vietnam, Brunei dan Filipina

Mengapakah kepulauan tersebut menjadi rebutan?

- I Kesuburan tanah
 - II Kemajuan perdagangan
 - III Kepentingan geostrategik
 - IV Keluasan wilayah jajahan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 40 Perjanjian berkaitan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) ditandatangani pada sidang Kemuncak ASEAN 1992 di Singapura.
- Apakah kepentingan perjanjian tersebut kepada Malaysia?
- A Meluaskan kawasan perindustrian
 - B Menggalakkan perindustrian kecil
 - C Meningkatkan kualiti perkhidmatan
 - D Mengurangkan kadar cukai barangan

SOALAN MODUL TAMAT